

12 NOV 1997

PTD KESALI USAHA AHLI KONGRES AMERIKA TENTANG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Nov 12 (Bernama) -- Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik ari ini membidas usaha seorang anggota Kongres Amerika untuk mengemukakan satu resolusi mengutuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Persatuan merasakan tindakan ini bukan sahaja perlu dihentikan tetapi harus dikutuk," Presidennya Datuk Dr Johari Mat berkata dalam satu kenyataan.

Katanya persatuan itu menentang campur tangan negara luar terhadap kepimpinan Malaysia yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan disokong rakyatnya.

Beliau mengulas mengenai tindakan anggota Kongres Amerika Robert Wexler untuk membentangkan resolusi mendesak Dr Mahathir agar "meminta maaf atau meletak jawatan" kerana Perdana Menteri dilaporkan berkata terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Johari berkata: "Tindakan ini bukan sahaja mencabar hak dan kedaulatan sebuah negara yang merdeka tetapi juga merupakan sikap angkuh, sombong dan bongkak, tanpa mempedulikan semangat setiakawan antarabangsa."

Katanya persatuan berdiri teguh di belakang rakyat Malaysia yang menyokong kepimpinan Perdana Menteri. --BERNAMA

ES NN MAI